



PEJUANG

ASPIRASI JOHOR

PARTI
PEJUANG
TANAH AIR



ASPIRASI
JOHOR

JOHOR: PERUBAHAN DEMI RAKYAT, UNTUK RAKYAT

ASPIRASI JOHOR

Johor : Perubahan Demi Rakyat, Untuk Rakyat



EKONOMI RAKYAT TEMPATAN DIUTAMAKAN

Pembangunan semula ekonomi pasca pandemik bertumpu kepada produk hiliran hasil bumi, dana syarikat rintis dan menyeimbangkan kebergantungan pekerja asing demi menaikkan peluang pekerjaan rakyat tempatan.



RAPATKAN JURANG EKONOMI ANTARA DAERAH

Seimbangkan jurang pembangunan dan pendapatan melalui pengenalan industri baharu dan capaian logistik ekonomi serta tingkatkan capaian digital di daerah miskin.



JOHOR BERSIH, CEKAP, AMANAH DAN BERINTEGRITI

Meningkatkan jatidiri bangsa Johor yang benci rasuah, ketelusan dalam setiap pekerjaam dan menentang budaya politik wang.



ANAK MUDA JOHOR

Perkasakan sektor TVET dan latihan keusahawanan, disamping pendedahan meluas dalam industri digital dan pertanian moden serta komited untuk melindungi sukan dari campurtangan politik.



JOHOR UNTUK SEMUA

Perkukuh jaringan keselamatan untuk semua rakyat Johor serta menambah kebajikan rakyat miskin dan OKU. Memperbaiki sokongan institusi kekeluargaan. Memperkasa nelayan tempatan, menguatkuasakan pencerobohan bot dan pukat haram serta mengutamakan kelestarian sumber perikanan



PELIHARA BUMI JOHOR

Memperkemas kesiapsiagaan Pasukan Khas Bencana untuk menghadapi musibah, memantau ketat aktiviti alam seperti pembalakan dan perlombongan serta mengadaptasi perubahan iklim dan perancangan bandar lestari pada standard tinggi.



PENJAGA SELAT MELAKA

Memperkenalkan pelan reformasi Selat Melaka dan menjadikan Johor sebagai hub ekonomi maritim dalam perindustrian, pelabuhan, perkapalan, STS, logistik, perikanan, akuakultur, pelancongan dan konservasi alam sekitar.



PUSAT EKONOMI SELATAN

Menjadikan Johor sebagai hub eksport dan penjaan pelaburan dalam sektor (i) Pusat Teknologi Selatan (ii) Industri Perkhidmatan Tinggi (iii) Industri Maritim aras tinggi (iv) Produk Agrotani Moden (v) Pusat TVET Aras Tinggi.



“JOHOREANS FIRST”

Insentif, sokongan dan biasiswa negeri kepada golongan memerlukan bagi melanjutkan pelajaran ke pelbagai peringkat serta menyediakan peruntukan khas “mobile data” dan peranti kepada murid keluarga miskin tegar.

“ Memilih pemimpin yang bersih, bermaruah dan terbukti khidmat kepada rakyat, merupakan titik permulaan kepada pembangunan negeri yang cemerlang untuk rakyatnya dan bukan untuk kepentingan peribadi ”